BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 06/09/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Selasa, 30 Jun 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mei 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada paras baharu yang terendah dalam sejarah iaitu 5.02%.

- Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan sebanyak 8.9%.

- Inflasi menjadi sederhana kepada 2.4% pada bulan Mei (April: 3.0%) disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan penurunan harga yang berterusan dalam kategori *pengangkutan*.

- Sistem perbankan terus berdaya tahan dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.2% dan 12.3%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 06/09/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Selasa, 30 Jun 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Mei 2009

Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.9% pada bulan Mei. Permohonan dan kelulusan pinjaman secara keseluruhan lebih tinggi pada bulan Mei, disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi daripada sektor perniagaan.

Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) terus tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Jun, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada paras baharu yang terendah dalam sejarah iaitu 5.02% pada akhir bulan Mei (5.16% pada bulan Mac dan 5.13% pada bulan April).

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 0.7% pada tempoh 1 Mei hingga 29 Jun 2009. Dalam pasaran pertukaran asing, kadar pertukaran masih secara relatifnya tidak menentu, mencerminkan perubahan sentimen pelabur ekoran perkembangan ekonomi dan kewangan. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-9.3%), euro (-4.4%) dan yen Jepun (-1.2%). Paun sterling bertambah kukuh berikutan tanda-tanda penstabilan ekonomi di United Kingdom. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding

dengan renminbi China (0.9%), peso Filipina (0.6%) dan won Korea (0.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-3.1%), baht Thailand (-2.7%), dan dolar Singapura (-0.9%).

Inflasi menjadi sederhana kepada 2.4% pada bulan Mei (April: 3.0%) disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan penurunan harga yang berterusan dalam kategori *pengangkutan*.


Wang secara luas atau M3 mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 4.9% (April: 6.1%). Pada asas bulanan, M3 berkurang sebanyak RM5.1 bilion. Pengurangan M3 disebabkan terutamanya oleh penambahan sementara deposit Kerajaan yang disimpan di Bank Negara Malaysia dan penurunan tuntutan sistem perbankan terhadap sektor swasta.

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing stabil pada 14.2% dan 12.3%. Kualiti pinjaman terus kukuh dengan nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih tidak berubah pada 2.2% sejak akhir tahun 2008.


Kadar pinjaman purata terus menurun

Pada tempoh 1 Mei hingga 29 Jun, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.


Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan antara bulan Mei hingga Jun tidak berubah. Pada 15 Jun, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.02% hingga 2.52%.
Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Jun, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada paras terendah dalam sejarah iaitu 5.02% pada akhir bulan Mei (5.16% pada bulan Mac dan 5.13% pada bulan April).




Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil




Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil




BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



BLR bank perdagangan tidak berubah,manakala ALR menurun




Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat pada bulan Mei, disebabkan kadar deposit menurun lebih cepat berbanding dengan pinjaman.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
Mei 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
15 Jun 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52


Kadar FD purata tidak berubah antara bulan Mac hingga 15 Jun

Kadar FD benar menghampiri kadar positif




Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 0.7% pada tempoh 1 Mei hingga 29 Jun 2009. Dalam pasaran pertukaran asing, kadar pertukaran masih secara relatifnya tidak menentu, mencerminkan perubahan sentimen pelabur ekoran perkembangan ekonomi dan kewangan. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-9.3%), euro (-4.4%) dan yen Jepun (-1.2%). Paun sterling bertambah kukuh berikutan tanda-tanda penstabilan ekonomi di United Kingdom. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (0.9%), peso Filipina (0.6%) dan won Korea (0.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-3.1%), baht Thailand (-2.7%), dan dolar Singapura (-0.9%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama lain



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih


RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Apr 09	Mei 09	29 Jun 09	Akhir Dis 08 - 29 Jun 09	Akhir Apr 09 - 29 Jun 09
Dolar AS	3.4640	3.5610	3.5075	3.5345	-2.0	0.7
Euro	4.8759	4.7404	4.9047	4.9582	-1.7	-4.4
Paun sterling	4.9989	5.2804	5.5995	5.8229	-14.2	-9.3
100 yen Jepun	3.8327	3.6570	3.6415	3.7022	3.5	-1.2
Dolar Singapura	2.4070	2.4076	2.4182	2.4301	-1.0	-0.9
100 baht Thailand	9.9398	10.091	10.202	10.373	-4.2	-2.7
100 peso Filipina	7.2774	7.3620	7.3850	7.3189	-0.6	0.6
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0334	0.0339	0.0345	-8.3	-3.1
100 won Korea	0.2750	0.2754	0.2783	0.2746	0.2	0.3
Renminbi China	0.5076	0.5218	0.5137	0.5172	-1.8	0.9

Inflasi terus sederhana

Inflasi menjadi sederhana kepada 2.4% pada bulan Mei (April: 3.0%). Kadar penurunan inflasi yang lebih cepat berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (Mei: 5.2%; April: 7.5%) dan harga yang terus menurun dalam kategori *pengangkutan* (Mei: -2.5%; April: -2.3%). Penyederhanaan inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* disebabkan terutamanya oleh penurunan inflasi yang ketara dalam subkategori *nasi, roti dan bijirin lain* (Mei: 4.2%; April: 15.6%). Walau bagaimanapun, penurunan inflasi makanan telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan inflasi dalam subkategori *daging* (Mei: 7.7%; April: 6.5%).

Inflasi menjadi sederhana kepada 2.4% pada bulan Mei






Pada asas tahunan, harga pengeluar terus merosot pada bulan April

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot pada kadar tahunan sebanyak 9.9% pada bulan April (Mac: -8.9%). Seperti bulan-bulan sebelumnya, penurunan ini disebabkan terutamanya oleh harga dalam komponen IHPR berkaitan komoditi yang lebih rendah dengan ketara. Harga dalam komponen IHPR ini terus merosot dengan pantas pada kadar tahunan sebanyak 26.9% pada bulan April (Mac: -25.3%). Harga dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi juga merosot pada kadar yang lebih cepat sebanyak 1.4% (Mac: -1.2%). Meskipun menurun pada kadar tahunan sebanyak 9.9%, harga pengeluar keseluruhannya naik 0.4% pada bulan April pada asas bulanan selepas penurunan berturut-turut selama lapan bulan.

Mengikut komposisi, komponen IHPR tempatan dan diimport terus mencatat penurunan harga. Berbanding dengan paras setahun yang lalu, harga dalam komponen IHPR tempatan merosot dengan lebih pantas sebanyak 13.0% (Mac: -11.7%), manakala harga dalam komponen diimport merosot pada kadar yang sama iaitu 3.0% (Mac: -3.0%).



Pada asas tahunan, harga pengeluar terus merosot pada bulan April

Pertumbuhan M3 menjadi sederhana

Pada bulan Mei, wang secara luas atau M3 mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 4.9% (April: 6.1%) Pada asas bulanan, M3 berkurang sebanyak RM5.1 bilion. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh penambahan sementara deposit Kerajaan yang disimpan di Bank Negara Malaysia bagi membiayai perbelanjaannya pada masa hadapan. Tuntutan sistem perbankan terhadap sektor swasta juga berkurang, mencerminkan pembayaran balik pinjaman yang besar oleh sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi* pada bulan Mei. Sebaliknya, aset asing bersih sistem perbankan mencatat peningkatan yang sedikit disebabkan terutamanya oleh aliran masuk portfolio bersih. Hal ini memberikan kesan pengembangan kepada wang secara luas.

Wang secara kecil atau M1 bertambah sebanyak RM3.6 bilion untuk berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih pantas sebanyak 9.3% (April: 7.4%). Penambahan ini disokong oleh pemegangan deposit permintaan yang meningkat.


Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 09	**Mac 09**	**Apr 09**	**Mei 09**
M3	-1.7	5.1	-1.2	-5.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.3	1.6	3.9	-6.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.7	1.3	3.2	-2.9
Pinjaman	*1.3*	*1.0*	*3.1*	*-2.9*
Sekuriti	*-0.6*	*0.3*	*0.1*	*0.0*
Aset luar bersih *	1.8	-1.5	6.3	0.6
Pengaruh lain	-2.9	3.8	-14.6	3.7

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan menurun disebabkan pengeluaran untuk membeli instrumen simpanan Kerajaan yang baharu

Jumlah deposit dalam sistem perbankan berkurang sebanyak RM5.3 bilion pada bulan Mei (April: -RM1.1 bilion), dan mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 5.6% (April: +6.2%). Pengurangan deposit mencerminkan terutamanya pengeluaran untuk pembelian terbitan sekuriti Kerajaan yang baharu termasuk Sukuk Simpanan Rakyat. Mengikut pelanggan, deposit yang lebih rendah dicatat terutamanya oleh institusi kewangan, individu dan sebahagian kecilnya oleh kerajaan negeri. Mengikut jenis, penempatan deposit yang lebih rendah adalah terutamanya dalam bentuk deposit pasaran wang jangka pendek, instrumen deposit boleh niaga dan deposit simpanan.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 09	**Mac 09**	**Apr 09**	**Mei 09**
Kerajaan Persekutuan	2,709	-2,612	300	1,505
Kerajaan Negeri	1,542	305	847	-1,083
Badan Berkanun [1]	627	-323	2,155	-2,388
Institusi Kewangan	-3,533	7,251	-3,854	-2,450
Perusahaan Perniagaan	-5,079	3,657	182	845
Individu	2,433	1,580	-1,597	-1,674
Lain-lain [2]	1,016	-532	862	-103
Jumlah	-285	9,326	-1,104	-5,347

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 09	**Mac 09**	**Apr 09**	**Mei 09**
Deposit tetap	2,193	-38	-6,553	2,259
NID	-4,643	3,769	-2,347	-1,701
Deposit permintaan	248	-157	1,904	-819
Deposit tabungan	1,968	736	1,832	-1,390
Perjanjian beli balik (Repo)	-30	560	-538	-44
Deposit mata wang asing	466	-645	3,134	616
Deposit SPI[1]	1,433	3,170	4,722	3,704
Lain-lain[2]	-1,976	1,962	-3,258	-7,971
Jumlah	-285	9,326	-1,104	-5,347


1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Permintaan untuk pinjaman perniagaan meningkat pada bulan Mei

Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.9% pada akhir bulan Mei (April: 10.6%). Sementara itu, pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal menjadi sederhana kepada RM53.7 bilion (April: RM69.0 bilion) pada bulan Mei berikutan pengeluaran pinjaman yang lebih rendah.


Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar berjumlah RM53.7 bilion pada bulan Mei

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman
(RM bilion)



Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat pada bulan Mei…

Penunjuk Pinjaman Bank


	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Apr-09	May-09	J-M 09	Apr-09	May-09	J-M 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	41.9	45.0	195.0	-5.2	11.0	-0.3
Kelulusan pinjaman	24.2	25.4	108.5	-18.1	-3.2	-14.8
Pengeluaran pinjaman	51.8	47.1	247.1	-6.4	-10.5	-4.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	-1.3	8.6	10.6	8.9	8.9
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	17.0	22.0	91.1	-24.2	9.2	-7.1
Kelulusan pinjaman	10.1	12.0	48.2	-35.0	-11.1	-28.2
Pengeluaran pinjaman	34.9	29.8	165.6	-10.9	-19.3	-9.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.2	-3.8	-4.8	9.2	5.7	5.7
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	8.5	7.6	36.3	-14.2	-15.1	-15.5
Kelulusan pinjaman	3.3	4.0	16.2	-41.2	-14.6	-29.9
Pengeluaran pinjaman	11.3	10.8	56.7	-17.7	-18.7	-15.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	-0.6	0.2	-7.2	-1.2	-1.7	-1.7
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	24.8	22.9	103.9	14.5	12.7	6.4
Kelulusan pinjaman	14.0	13.4	60.3	1.0	5.1	0.1
Pengeluaran pinjaman	16.9	17.3	81.5	4.4	10.0	5.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	3.1	11.0	8.5	8.4	8.4

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan berkembang 1.7% pada asas tahunan pada akhir Mei 2009.

…disebabkan terutamanya oleh permintaan pembiayaan yang lebih tinggi daripada sektor perniagaan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh


Permohonan dan kelulusan pinjaman secara keseluruhannya lebih tinggi pada bulan Mei, sebahagian besarnya dicakupi oleh sektor perniagaan bagi membiayai keperluan modal kerja yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pembayaran balik pinjaman yang besar oleh sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*, berserta pengeluaran pinjaman yang lebih rendah telah menyumbang kepada penurunan ketara pinjaman perniagaan terkumpul. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul sektor perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.7% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 9.2%).

Permohonan dan kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah terus kukuh. Pengeluaran pinjaman lebih tinggi pada bulan Mei, mencerminkan terutamanya

peningkatan pinjaman untuk pembelian sekuriti dan penggunaan kad kredit. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul sektor isi rumah berkembang 8.4% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 8.5%).

Aktiviti pemerolehan dana oleh sektor awam yang aktif


Pemerolehan dana bersih melalui pasaran modal terus tinggi pada RM16.7 bilion pada bulan Mei. Pemerolehan sejumlah besar dana oleh sektor awam adalah melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia 10.5 tahun, pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan terbitan Sukuk Simpanan Rakyat. Sukuk Simpanan Rakyat diterbitkan sebagai sebahagian daripada aktiviti pemerolehan dana Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Kedua. Sementara itu, dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh melalui sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) adalah lebih tinggi sedikit pada RM6.6 bilion. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut diperoleh melalui dana milik kerajaan negeri yang ditubuhkan baru-baru ini dan syarikat tujuan khas (special purpose vehicle, SPV) untuk sebuah syarikat pembinaan. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta berjumlah RM2.9 bilion.



KLCI terus meningkat pada bulan Mei

Pada bulan Mei, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1044.1 mata (akhir bulan April: 990.7 mata). Peningkatan ini disebabkan oleh sentimen positif terhadap pemulihan ekonomi global. Kenaikan harga minyak sawit mentah juga mendorong minat yang lebih tinggi dalam saham perladangan. Permodalan pasaran meningkat kepada RM797.8 bilion (sejak akhir bulan April: +5.8%) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2,195.8 juta unit (April: 1,232.8 juta unit).


KLCI meningkat pada bulan Mei



Pada 29 Jun, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,075.8 mata (sejak akhir bulan Mei: +3.04%). Pemodalan pasaran secara keseluruhan lebih tinggi pada RM818.74 bilion (sejak akhir Mei: +2.62%) tetapi urus niaga purata harian menjadi sederhana kepada 1,683.99 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM322.4 bilion (bersamaan dengan USD88.3 bilion) pada 29 Mei 2009. Pada 15 Jun 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM318.4 bilion (bersamaan dengan USD87.1 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin


Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar stabil dalam sistem perbankan

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.2% dan 12.3%. Kualiti pinjaman terus kukuh dengan nisbah pinjaman tak berbayar bersih tidak berubah pada 2.2% sejak akhir tahun 2008.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *


	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Mac 09	Apr 09	Mei 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	11.6	12.3	12.3
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	13.6	14.2	14.2
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.2	2.2
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	16,029	16,093	15,934
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



g

Pemodalan sistem perbankan terus kukuh



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dan NPL bersih terus berada pada paras rendah

Bank Negara Malaysia
30 Jun 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mac 09		Apr 09		Mei 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.1	-17.5	53.8	-17.7	54.7	-18.8
M1		179.7	3.5	182.6	7.4	186.2	9.3
M2		921.9	9.3	918.8	6.6	912.9	5.3
M3		949.3	7.3	948.1	6.1	943.0	4.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		985.9	8.0	984.8	6.2	979.4	5.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		733.9	10.9	736.5	10.6	735.2	8.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)		73.7		74.2		74.5	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		80.8		81.2		81.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		42.4	5.8	41.9	-5.2	45.0	11.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		24.3	-0.7	24.2	-18.1	25.4	-3.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		55.5	9.0	51.8	-6.4	47.1	-10.5
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		48.4	4.8	49.1	-2.8	49.9	14.9
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.6		14.2		14.2	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		320.7		320.4		322.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		87.8		87.7		88.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.3		8.5		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	2.00 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.03 [2.02]		2.02 [2.02]		2.03 [2.02]	
	1 bulan	2.06 [2.05]		2.06 [2.05]		2.06 [2.06]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.02		2.02		2.02	
	3 bulan	2.04		2.04		2.04	
BLR bank perdagangan		5.53		5.53		5.53	
ALR bank perdagangan		5.16		5.11		5.02	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.7	3.5	111.5	3.0	111.7	2.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		128.4	-8.9	128.9	-9.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6470		3.5610		3.5075	
Euro		4.8348		4.7404		4.9047	
Paun Sterling		5.2203		5.2804		5.5995	
100 Yen Jepun		3.7091		3.6570		3.6415	
Dolar Singapura		2.4008		2.4076		2.4182	
100 Baht Thailand		10.2660		10.0907		10.202	
100 Peso Filipina		7.5343		7.3620		7.3850	
100 Rupiah Indonesia		0.0315		0.0334		0.0339	
100 Won Korea		0.2630		0.2754		0.2783	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	6.6		1.5		13.7	
	swasta	4.4		15.3		2.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		872.6		990.7		1,044.1	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		662.1		754.2		797.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.